

KAN

# UM ke-70 terbaik dunia

➔ **Universiti tertua Malaysia terus cemerlang duduki tempat ke-18 di Asia**

didikan tinggi Malaysia menunjukkan prestasi luar biasa pada edisi kali ini, namun mereka tidak boleh terlalu selesa berikutan persaingan sengit pada peringkat serantau mahupun global.

Katanya, cabaran utama kebanyakan universiti di negara ini adalah menghasilkan kajian penyelidikan berimpak tinggi.

## Sokongan kerajaan

"Kerajaan Malaysia meletakkan bidang pendidikan sebagai teras dan agenda dalam menyokong visi yang bercita-cita tinggi, di samping pelaburan penting serta kukuh.

"Bidang pendidikan menerima peruntukan pembiayaan terbesar iaitu 19.1 peratus daripada keseluruhan Belanjawan Malaysia 2019, malah sokongan ini jika dilaksanakan dengan strategik dan bijak mampu mencapai hasil yang baik," katanya.

Sebanyak 20 institusi pendidikan tinggi tempatan (awam dan swasta) di negara ini tersenarai dalam kedudukan 1,000 universiti terbaik dunia dengan 10 daripadanya mencatat peningkatan, dua (tidak berubah), tujuh (penyertaan baharu) serta satu (menurun).

Massachusetts Institute of Technology (MIT), Amerika Syarikat terus mengungguli rekod universiti terbaik dunia untuk

## Kedudukan institusi pengajian tinggi (IPT) Malaysia dalam QS World University Ranking 2020

70	87+	Universiti Malaya (UM)
159	203	Universiti Putra Malaysia (UPM)
160+	184+	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
165+	207	Universiti Sains Malaysia (USM)
217+	228	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
442+	481+	UCSI University
482+	521-530	Universiti Teknologi PETRONAS (UTP)
511-520	601-650	Taylor's University
541-550		Management and Science University (MSU)
591-600	601-650	Universiti Utara Malaysia (UUM)
651-700	651-700	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
651-700	751-800	Universiti Teknologi MARA (UiTM)
701-750		Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
751-800		Sunway University
751-800		Universiti Malaysia Pahang (UMP)
801-1000	801-1000	Multimedia University (MMU)
801-1000		Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
801-1000	701-750	Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
801-1000		Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)
801-1000		Universiti Malaysia Sabah (UMS)

tahun kelapan berturut-turut manakala universiti terbaik Asia, Nanyang Technological University (NTU) dan National

University of Singapore (NUS), kedua-duanya dari Singapura meraih kedudukan ke-11 dunia.

Oleh **Mohd Khairul Anam Md Khairudin**  
khairul.anam@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Universiti Malaya (UM) kini berkedudukan ke-70 terbaik dunia, naik 17 anak tangga berbanding tahun lalu berdasarkan Quacquarelli Symonds (QS) World University Ranking 2020 yang dikeluarkan semalam.

QS World University Rankings edisi ke-16 itu menyaksikan universiti tertua di negara ini meneruskan kecemerlangannya apabila menduduki tempat ke-18 di Asia, peningkatan pencapaian buat kali keenam berturut-turut dan kali kedua berturut-turut dalam kedudukan 100 terbaik dunia.

Pengarah Penyelidikan QS, Ben Sowter, berkata sistem pen-